

SOALAN NO. 56**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]**

TARIKH : 6 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini proses persempadanan semula kawasan pilihan raya dan sama ada sempadan baru akan diguna pakai untuk Pilihan Raya Umum yang ke-14.

139

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu kini sedang disiapkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya sebelum tempoh dua tahun kajian tamat pada 14 September 2018 selaras dengan peruntukan Perkara 113(2)(iii), Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Pilihan Raya Umum Ke-14 akan mengguna pakai sempadan bahagian pilihan raya yang sedang berkuat kuasa pada masa pembubaran Dewan Rakyat diumumkan.

Sekian, terima kasih.